

**UNTUK SIARAN SEGERA**



**KENYATAAN MEDIA  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

**MESYUARAT JAWATANKUASA TINDAKAN BERSAMA PEMBANGUNAN  
PENDIDIKAN NEGERI SABAH TERJEMAH SEMANGAT MA63 MENERUSI  
USAHA BERTERUSAN PERKASAKAN PENDIDIKAN DI SABAH**

Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Bersama Pembangunan Pendidikan (JTBPP) Negeri Sabah Bilangan 1 Tahun 2024 telah berlangsung pada Selasa, 12 November 2024. Mesyuarat ini telah dipengerusikan secara bersama oleh Menteri Pendidikan, YB Fadhlina Sidek dan Menteri Sains, Inovasi dan Teknologi Sabah, YB Datuk Dr Haji Mohd Arifin bin Datuk Haji Mohd Arif di Putrajaya.

Antara keputusan penting yang telah dipersetujui menerusi perbincangan dalam Mesyuarat JTBPP Negeri Sabah adalah berkaitan pengambilan guru baharu yang dipecahkan mengikut tiga wilayah iaitu Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Selain itu, mesyuarat juga bersetuju memasukkan citra Sabah dalam kurikulum dan dasar pendidikan negara.

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) turut meluluskan lima tuntutan tambahan yang dikemukakan oleh Kerajaan Sabah sebagaimana yang telah diluluskan kepada Kerajaan Sarawak. Ia melibatkan perancangan projek, perkongsian maklumat mengenai perpindahan pegawai kanan jabatan pendidikan negeri (JPN) ke ibu pejabat KPM dan perkongsian data pendidikan.

Selain itu, Kerajaan Sabah juga telah mengemukakan satu (1) tuntutan baharu berkaitan fleksibiliti dan autonomi dalam penggunaan peruntukan bencana berdasarkan keperluan sebenar atau kesegeraan. KPM bersetuju dengan tuntutan ini dan akan menambah baik prosedur pengendalian standard (SOP) sedia ada untuk perolehan kecemasan bagi menentukan peruntukan serta kaedah perolehan. Ini dapat membantu penyelesaian segera ketika bencana dan mengatasi isu-isu berbangkit.

Mesyuarat JTPBB Negeri Sabah telah berlangsung lancar dalam suasana harmoni, mencerminkan kesepakatan KPM dan Kerajaan Sabah. KPM komited menterjemahkan semangat MA63 menerusi usaha berterusan memperkasakan pendidikan di Sabah.

**-TAMAT-**

**KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA  
14 NOVEMBER 2024**